

15 AUG 2001

Abdullah-Meritokrasi

DASAR MERITOKRASI BUKAN AGENDA POLITIK, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Cadangan kerajaan untuk melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Melayu ke universiti bukan merupakan agenda politik, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini.

Ia bukan juga dasar yang hendak dilaksanakan untuk "membantai" pelajar tetapi bertujuan memastikan bangsa Melayu akan dapat bersaing menghadapi cabaran, katanya.

"Tetapi kenyataan pemimpin kita (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) mengenai meritokrasi lahir daripada satu kesedaran yang wujud bahawa pelajar Bumiputera pada masa ini, jika dibandingkan dengan bukan Bumiputera masih jauh di belakang," katanya.

Berucap pada jamuan malam Persatuan Bekas Penuntut Sekolah Tuanku Abdul Rahman (Staroba), Ipoh di sini malam ini, Abdullah berkata pelajar Bumiputera ketinggalan bukan sahaja dalam matapelajaran tertentu tetapi dalam hampir semua matapelajaran.

Sekiranya kerajaan tidak melakukan sesuatu untuk memastikan pelajar Bumiputera tidak terus tercicir, bangsa Melayu tidak akan dapat bersaing dalam cabaran dunia pada masa hadapan, katanya.

Dr Mahathir baru-baru ini membuat kenyataan bahawa walaupun sistem kuota pelajar Bumiputera akan dikekalkan, tetapi syarat kemasukan ke universiti akan ditingkatkan supaya dapat melahirkan pelajar yang lebih cemerlang dalam akademik.

"Tak payah bimbang tentang kuota, kita tidak mahu anak-anak kita hanya bergantung kepada kemudahan tetapi tidak cemerlang (dalam pelajaran mereka). Usaha untuk mencapai kecemerlangan itu akan menjadi motivasi kuat (dalam diri pelajar Bumiputera).

"Kita mahu Malaysia maju selaras dengan wawasan 2020 dan apabila negara kita maju, kita mahu kedudukan Bumiputera seimbang dengan bukan Bumiputera, bukannya tinggal di belakang," katanya.

Abdullah berkata pemimpin negara terutama Dr Mahathir amat sedih dengan pencapaian rendah pelajar Bumiputera dalam bidang pelajaran sehinggakan semasa sesi taklimat mengenai prestasi pelajar Bumiputera baru-baru ini, Dr Mahathir kelihatan "amat resah".

"Beliau (Dr Mahathir) seolah-olah tak mahu lihat statistik di hadapan (mengenai prestasi pelajar Bumiputera) kerana statistik itu sangat tak menyenangkan dan menyusahkan hati semua," katanya.

-- BERNAMA
ZAI ZAI MOZ